

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM BELAS NEGERI SABAH

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI RABU, 29 NOVEMBER 2023, PUKUL 10:00 PAGI

Bil.11

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

- *1. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**: -
- apakah status pelaksanaan mengenai Hak - Hak Sabah seperti Perjanjian Malaysia 1963 (MA63); dan
 - apakah perkara – perkara yang telah dipersetujui dan adakah ia telah mula dilaksanakan.
- *2. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**: -
- berapakah jumlah hutang tidak dibayar oleh GLC termasuk Sabah International Petroleum kepada Sabah Development Bank (SDB); dan
 - kenapa Kerajaan Negeri dibebankan untuk menanggung hutang tersebut akibat tindakan hapus kira (*write-off*) sedangkan keutamaan Kerajaan Negeri sepatutnya kepada pembangunan prasarana.
- *3. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status pembaikan laluan keretapi di antara Beaufort – Tenom yang terlibat dengan tanah runtuh sejak bulan November 2022.
- *4. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah status skim rumah Projek Perumahan Rakyat di Sabah terutama di Putatan (PPR Sri Keramat & PPR Sri Serigai), adakah skim sewa beli (Rent-to-own) atau hanya untuk disewa semata-mata.
- *5. **YB. Datuk Mokran bin Inggat [Sungai Manila]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, berapa ramai penerima bantuan kebajikan di daerah Sandakan dan apakah syarat-syarat dan kriteria untuk melayakkan penerima menerima bantuan dan apakah kriteria yang membatalkan mereka daripada kelayakan menerima bantuan kebajikan.

- *6. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI SABAH**, berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan bagi mengadakan pameran berkaitan sains dan teknologi dari negara China dan apakah manfaat yang boleh masyarakat di luar sana perolehi serta adakah pameran tersebut boleh dibawa ke daerah-daerah di negeri Sabah ini.
- *7. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, apa inisiatif dan rancangan kementerian bagi menarik pelabur luar negara dan dalam negara untuk melabur dalam industri hiliran minyak sawit di Sabah.
- *8. **YB. Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, berapa buah rumahkah di bawah pakej SMJ yang dikendalikan oleh kementerian di seluruh Negeri Sabah yang telah siap dan sedang dalam pembinaan.
- *9. **YB. Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, berapa lama lagikah penduduk yang terlibat dengan projek tambatan banjir Sungai Rampayan perlu menunggu untuk pemindahan hanya atas sebab ketua Kampung Bahagia belum dilantik.
- *10. **YB Tuan Mohd Tamin @ Tamin bin Zainal [Pantai Manis]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, mohon penjelasan secara terperinci mengenai bantuan yang telah diberikan, sedang diberikan dan yang telah diberhentikan setakat ini di kawasan DUN Pantai Manis.
- *11. **YB. Datuk Mokran bin Ingkat [Sungai Manila]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, adakah kementerian telah dan akan merancang apa-apa pembangunan di kawasan tapak tanah yang strategik dan telah diperuntukkan untuk kegunaan aktiviti belia dan juga aktiviti sukan seluas sepuluh ekar yang belum dimajukan di Hub Pendidikan Batu 10, Sungai Batang Sandakan.
- *12. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN: -**
- a) mohon senarai jawatan ketua adat yang baru untuk Mahkamah Anak Negeri di seluruh Sabah bagi tahun 2024, dan khususnya di Penampang; dan
 - b) adakah kenaikan kakitangan tersebut sudah dimasukkan dalam Belanjawan 2024.

- *13. **YB. Datuk Mokran bin Ingkat [Sungai Manila]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah usaha-usaha kementerian untuk menarik lebih ramai pelancong untuk singgah di Sandakan supaya aktiviti perniagaan dan peniaga-peniaga di Bandar Sandakan juga menerima limpahan manfaat daripada kedatangan pelancong melalui Lapangan Terbang Sandakan.
- *14. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**: -
- a) apakah pencapaian terkini kerja-kerja pembinaan menara telekomunikasi di bawah projek JENDELA yang dilaksanakan di Sabah; dan
 - b) berapakah buah menara yang telah disiapkan dibina dan yang dirancang dibina bagi daerah Ranau.
- *15. **YB. Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, apakah langkah pihak kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan simen di pasaran terutama di Daerah Telupid.
- *16. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apa langkah serta rancangan kementerian untuk memastikan bekalan serta harga ayam di Sabah masih dalam kadar harga terkawal.
- *17. **YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah termasuk dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) untuk kerajaan mengatasi kemalangan kerap berlaku di jalan raya Semporna – Tawau.
- *18. **YB. Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, apakah tindakan kementerian terhadap projek baik pulih rumah dan bina baru oleh MARA yang tidak berkolaborasi dengan Pejabat Daerah terutama mengenai senarai keutamaan yang ada dalam data Sistem E-kasih.
- *19. **YB. Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, bilakah pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu akan melaksanakan pembinaan simpang atau laluan keluar dan masuk kedua di Taman Putera Perdana bagi kemudahan penduduk yang mana pada masa ini terpaksa memandu sejauh 12 kilometer untuk keluar dan masuk ke taman.
- *20. **YB. Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, bagaimanakah pihak kementerian boleh membantu untuk menaiktarafkan dan membina lebih banyak rumah tradisional mengikut budaya bangsa sebagai salah satu tarikan kepada

pelancong daripada luar daerah disamping memperkenalkan kebudayaan bangsa di dalam daerah Kota Belud kepada pengunjung luar.

- *21. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, sejauh manakah persiapan Pangkalan Data Kerajaan bagi memastikan tiada kumpulan sasar yang terpinggir dalam menerima bantuan kerajaan dan apakah kaedah yang telah kementerian rancangkan berhubung kaedah pelaksanaan bantuan kerajaan kelak.
- *22. **YB. Datuk Wetrom bin Bahanda [Bandau]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah kementerian mempunyai pelan jangka panjang dan jangka pendek dalam menangani isu pengurusan sampah terkumpul, pengurusan jalan dan lampu taman-taman perumahan yang rosak dan juga pengaliran air longkang di kawasan pekan Kota Marudu yang selalu sumbat dan menyebabkan banjir kilat.
- *23. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, berapakah perbelanjaan dan apakah jenis-jenis aktiviti untuk pembangunan kebudayaan bagi tujuan menarik pelancong di seluruh Sabah khususnya di Kapayan, dan berapakah yang dirancang untuk belanjawan 2024 bagi tujuan tersebut.
- *24. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI**, adakah kerajaan bercadang untuk memberi elaun insentif kepada pengerusi-pengerusi masjid.
- *25. **YB. Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah penyelesaian jangka pendek masalah air di Telupid sementara menunggu projek naik taraf oleh Jabatan Air siap memandangkan masalah air di Telupid semakin kritikal.
- *26. **YB. Datuk Mokran bin Inggat [Sungai Manila]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah jenis hasil utama sektor perikanan di Daerah Sandakan dan berapakah jumlah pendaratan ikan dan nilainya di Daerah Sandakan.
- *27. **YB. Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan peningkatan pemberian Geran Khas Tahunan untuk Sabah daripada Kerajaan Persekutuan seperti mana yang termaktub dalam perlembagaan.

- *28. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah kerajaan akan menyalurkan air bersih kepada 510 buah rumah di Pulau Gaya yang mana saluran paip telah siap dibuat pada tahun 2019 dengan memakan peruntukan sebanyak RM5.3 juta.
- *29. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kes kanak-kanak bertaraf bukan warga negara akibat perkahwinan di kalangan penduduk tempatan dengan warga asing.
- *30. **YB. Datuk Jaffari bin Waliham [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, berapakah menara telekomunikasi yang dirancang untuk dibina di Sandakan dan berapakah yang telah siap dibina dan beroperasi.
- *31. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, adakah kerajaan merancang untuk membantu belia yang telah dilatih dari segi kewangan dan penyediaan tapak/tanah sesudah belia ini tamat latihan di pusat-pusat latihan.
- *32. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah konsesi yang melaksanakan tugas mencuci tong sampah bagi kawasan pasar seperti Pasar Kim Fung.
- *33. **YB. Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status terkini perancangan dan pelaksanaan usaha menaiktaraf loji rawatan air (LRA) Kalabakan dan LRA Murut, Daerah Kalabakan.
- *34. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**: -
- a) apakah status penaikkan taraf Institut Latihan Perindustrian Kota Kinabalu (ILPKK) sebagai sebuah kolej; dan
 - b) adakah rancangan untuk menaiktaraf kursus-kursus yang sedia ada ke peringkat diploma pada masa akan datang.
- *35. **YB. Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah tindakan kerajaan untuk menambah bilangan institusi pendidikan yang menawarkan jurusan di dalam bidang minyak dan gas di Sabah untuk melahirkan tenaga mahir minyak dan gas di kalangan anak-anak tempatan.

- *36. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, berapa luaskah tanah terbiar yang sesuai untuk penanaman padi di Sabah.
- *37. **YB Tuan Mohd Tamin @ Tamin bin Zainal [Pantai Manis]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah penjelasan kementerian mengenai masalah air di daerah Papar.
- *38. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, berapakah jumlah nilai import bahan makanan seperti beras dan daging ruminan Negeri Sabah pada tahun 2022/2023.
- *39. **YB. Datuk Hiew Yun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah tindakan kementerian untuk menyelesaikan masalah bekalan elektrik yang tidak stabil dan gangguan bekalan elektrik yang amat kerap di kawasan Jalan Cecily, Karamunting.
- *40. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah kerajaan bercadang memperuntukkan sejumlah dana khas untuk meyelenggara dan seterusnya mengambil alih jalan-jalan bekas pembalakan yang kini merupakan jalan perhubungan utama masyarakat pedalaman atau luar bandar seperti jalan Kg. Mesopoh ke Kg. Katalirus Nabawan dan jalan Kg. Salinatan di mukim Pensiangan daerah Nabawan.
- *41. **YB Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah program yang ditawarkan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan sektor penternakan bagi mempertingkatkan hasil pengeluaran ternakan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan sendiri malah mencukupi untuk dieksport.
- *42. **YB Tuan Mohd Tamin @ Tamin bin Zainal [Pantai Manis]** bertanya kepada **KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, mohon penjelasan status projek tambatan banjir di Kg. Kuala, Kg. Sungai Padang dan Kg. Buang Sayang yang telah diumumkan atau lulus sebelum ini.
- *43. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah usaha jangka pendek dan jangka panjang bagi menambah pengeluaran beras negeri.

- *44. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah implikasinya sekiranya kerajaan bersetuju kepada bantahan sesetengah rakyat agar empangan Kaiduan itu tidak diteruskan.
- *45. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, menerusi bajet kerajaan negeri Sabah tahun 2024, apakah usaha atau pelan tindakan daripada pihak kementerian untuk memastikan keboleh capaian jaringan internet khususnya di kawasan perkampungan dan pedalaman yang mempunyai sekolah.
- *46. **YB. Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah punca kontraktor pemasangan *Pipe Line* Projek LRA Telibong II ditukar kepada kontraktor yang baru hingga mengakibatkan kelewatan lebih dari satu tahun daripada jadual siap projek ini.
- *47. **YB Tuan Mohd Tamin @ Tamin bin Zainal [Pantai Manis]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah kementerian akan membaiki atau menaik taraf jalan susur sepanjang jalan bersebelahan dengan landasan kereta api contohnya jalan susur di Kampung Takis.
- *48. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN:-**
- a) apakah status pelaksanaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Sabah; dan
 - b) apakah rancangan kerajaan untuk mempercepatkan pembukaan TKPM di kawasan Kg. Ulu Bole Sipitang.
- *49. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apakah formula atau mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan Pusat untuk menentukan jumlah peruntukan tahunan kepada Kerajaan Sabah.
- *50. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah bentuk persediaan dan program latihan terutamanya untuk anak-anak Sabah yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPTA/IPTS.

- *51. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah kementerian mempunyai cadangan bagi projek paip air dasar laut untuk membekalkan air bersih kepada rakyat di Pulau Nunuyan yang telah menanti sekian lama bekalan air bersih.
- *52. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah sistem pemantauan perparitan yang dapat memastikan penyelenggaraan efektif bagi mencegah banjir di luar bandar dan apakah langkah-langkah yang akan diambil dalam memastikan sistem perparitan dijaga dengan baik dengan pemantauan berkala, pembersihan secara rutin, dan tindakan proaktif mengatasi banjir kilat.
- *53. **YB. Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status terkini cadangan pemindahan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) ke Kimanis sama ada permohonan telah dibuat kepada kementerian pengangkutan dan apakah ulasan atau maklumbalas yang telah diberikan.
- *54. **YB. Tuan Hj. Dumi bin Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina satu Dewan di SMK Sepagaya kerana Sekolah tersebut tidak mempunyai Dewan untuk mereka gunakan bila ada perhimpunan atau aktiviti-aktiviti di Sekolah.
- *55. **YB. Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]** bertanya kepada **KETUA MENTERI** apakah status kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) bagi *The Proposed Gold Mining Operation on CL. 105651438 at Bukit Mantri, District of Tawau* oleh Wullersdorf Resources Sdn Bhd.
- *56. **YB. Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, adakah pihak kementerian boleh menambah peruntukkan yang sedia ada melalui Jabatan Pengairan dan Saliran untuk mengatasi masalah sistem pengairan dan pembuangan air di kawasan sawah padi DUN Tempasuk.
- *57. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina landasan lapangan terbang yang baharu untuk menggantikan landasan lapangan terbang Keningau yang sedia ada kerana tanah simpanan untuk tujuan pembangunan daerah Keningau tidak mencukupi.

- *58. **YB. Datuk Hamild @ Hamid Bin Hj. Awang [Balung]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status terkini lampu-lampu jalan yang tidak berfungsi sepenuhnya di Jalan Protokol daripada Bandar Tawau hingga Ke Lapangan Terbang Tawau sekiranya sudah diperbaiki berapa peratuskah yang telah siap sepenuhnya.
- *59. **YB. Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah kerajaan merancang untuk menaiktaraf semula jalan berbatu (*gravel*) ke jalan beraspal sepanjang jalan daripada Merotai ke Kalabakan khususnya di lima (5) tempat yang telah di *downgrade* kepada jalan gravel.
- *60. **YB. Datuk Mokran bin Inggat [Sungai Manila]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan kawasan Hub Pendidikan Batu 10, Sandakan, tidak menjadi koloni setinggan kerana sekarang didapati ada beberapa binaan bangunan selain kawasan sekitarnya yang dipenuhi tanaman.
- *61. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan masih meneruskan tuntutan daripada Kerajaan Pusat berkaitan 40 peratus hasil Kerajaan Negeri.
- * Pertanyaan-pertanyaan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.